

D484

B B631 AAB

MAHATHIR - INDONESIA

(I)

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERPENDAPAT KEPUTUSAN INDONESIA MENGGANTUNG HAK MENDARAT BAGI PESAWAT-PESAWAT TENTERA AUSTRALIA TIDAK AKAN MENJEJAS HUBUNGAN PERTAHANAN MALAYSIA DENGAN CANBERRA

MENTERI LUAR AUSTRALIA BILL HAYDEN, KETIKA MENYATAKAN RASA TERKEJUTNYA DENGAN KEPUTUSAN ITU, BERKATA SEMALAM BAHAWA PENGGANTUNGAN ITU BOLEH MENJEJAS LATIHAN TENTERA DENGAN MALAYSIA.

JET-JET PEJUANG MIRAGE DAN PESAWAT PENINJAU ORIAN TENTERA UDARA DIRAJA AUSTRALIA (RAAF) MELALUI INDONESIA UNTUK KE PANGKALAN BERSAMA AUSTRALIA-MALAYSIA DI BUTTERWORTH.

+SAYA TIDAK FIKIR IA MERUPAKAN PENGGANTUNGAN SEPENUHNYA,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA BELIAU TIDAK FIKIR IA MENJEJASKAN PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA. ANGGOTA-ANGGOTA LAIN PERJANJIAN ITU IALAH NEW ZEALAND, BRITAIN DAN SINGAPURA.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI PEJABATNYUA DI SINI HARI INI SEKEMBALINYA DARIPADA MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAK PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI (NAM) DI HARARE, BELIAU BERKATA YANG DIKATAKAN OLEH INDONESIA IALAH IA AKAN MENILAI SESUATU KES SECARA BERASINGAN. -- LAGI.

1821MST 08 09 86

D492

U B637 AAB

MAHATHIR-INDONESIA 2 KUALA LUMPUR

INDONESIA MEMBERITAHU KEDUTAAN AUSTRALIA RABU LEPAS BAHAWA PESAWAT RAAF TIDAK AKAN DIBENARKAN MENDARAT +BUAT SEMENTARA WAKTU+.

KEPUTUSAN ITU DIPERCAYAI MERUPAKAN TINDAK BALAS OLEH INDONESIA EKORAN LAPORAN YANG TIDAK MENYENANGKAN OLEH +SYDNEY MORNING HERALD+ MENGENAI DAKWAAN BAHAWA KELUAGA PRESIDENT SUHARTO DAN RAKAN-RAKANNYA MEMPUNYAI SATU URUSAN PERNIAGAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENGGANTUNGAN ITU TIDAK AKAN MENJEJAS LATIHAN UDARA DENGAN AUSTRALIA OLEH KERANA PESAWAT-PESAWAT SEKARANG BOLEH TERBANG JARAK JAUH.

SEMENTARA ITU, PEMANGKU PANGLIMA TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA MEJ JEN (U) DATUK SHAHRUDIN MOHAMED ALI, DILAPORKAN OLEH SEBUAH AKHBAR TABLOID HARI INI BAHAWA MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI LATIHAN DENGAN RAAF BUAT KETIKA INI.

DI BAWAH PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA, DUA LATIHAN DIJADUALKAN SETIAP TAHUN DENGAN SATU LAGI LATIHAN DIJADUAL BERLANGSUNG DALAM BEBERAPA BULAN SAJA LAGI.

MALAYSIA, KATANYA, TIDAK AKAN TERLIBAT KERANA IA MASALAH DUA PIHAK - AUSTRALIA DAN INDONESIA. -- BERNAMA.

1834MST 08 09 86